

10 JUN 2002

MAHATHIR-DAGANGAN (BERGAMBAR)

M'SIA PERLU CARI PASARAN BARU, TIDAK BOLEH BERGANTUNG KEPADA SATU RAKAN KONGSI UTAMA

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

ZURICH, 10 Jun (Bernama) - Malaysia perlu mencari pasaran baru dan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada satu sahaja rakan kongsi dagangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata krisis ekonomi yang dihadapi oleh Amerika Syarikat tahun lepas yang terus diburukkan lagi dengan serangan pengganas pada 11 Sept ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington, telah mengajar Malaysia mengenai pentingnya untuk tidak terlalu bergantung kepada pasaran tunggal.

"Apabila ekonomi AS mengalami kejatuhan tahun lepas, ekonomi Malaysia terjejas kerana 30 peratus daripada dagangan kita adalah dengan negara itu," katanya pada pertemuan dengan masyarakat Malaysia di sini semalam.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Persatuan Swiss Malaysia sempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri, yang pertama kali ke Switzerland mulai Ahad.

Meskipun ekonomi Malaysia telah pulih daripada krisis kewangan 1997-1998 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak enam dan 8.4 peratus masing-masing pada 1999 dan 2000, Dr Mahathir berkata ia hanya berkembang sebanyak 0.4 peratus pada 2001 disebabkan oleh kelembapan dalam ekonomi AS.

Dengan itu, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak boleh terus bergantung hanya kepada AS bagi mengelakkan berulangnya kelembapan ekonomi tahun lepas.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa Malaysia tidak berhasrat untuk mengurangkan jumlah dagangannya dengan AS tetapi hanya dari segi mengurangkan peratusan jumlah dagangan keseluruhannya dengan negara itu dengan mencari pasaran baru.

Perdana Menteri yang tiba di sini dari Naples, Itali, berkata pencarian pasaran baru adalah penting bagi negara perdagangan seperti Malaysia.

Dengan demikian, Dr Mahathir berharap beliau dapat menarik lebih banyak pelabur ke Malaysia bagi memastikan ekonominya pulih sepenuhnya.

Beliau menyeru warga Malaysia yang tinggal di luar negara termasuk yang tinggal di Switzerland, supaya menggalakkan rakyat asing mewujudkan hubungan dagangan dengan Malaysia.

"Kita semua tahu bahawa Switzerland merupakan pusat kewangan utama. Kita tidak mahu meminjam wang mereka kerana kita sendiri mempunyai wang yang mencukupi dengan simpanan kita kini melebihi 38 peratus KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

"Apa yang kita mahukan ialah rakyat asing berdagang dengan kita. Mereka boleh mendapat faedah daripada perniagaan mereka dengan kita dan kita boleh memperolehi sesuatu daripadanya juga," katanya.

Selepas majlis berkenaan, perdana menteri menghadiri majlis makan malam persendirian dengan perbank Swiss yang utama, UBS AG. -- BERNAMA

MFJ ZS SHY NHD